

**UCAPAN OLEH TUN DR MAHATHIR MOHAMAD DI MAJLIS KONVOKESYEN KE- 9
KOLEJ TEKNOLOGI YPC-IT WEB DAN PELANCARAN BIASISWA TUN MAHATHIR –
YPC PADA SABTU, 6 JULAI 2013**

YBhg Datuk Seri Syed Ali AlHabshee,
Pengerusi Kolej Teknologi YPC-iTweb
Merangkap pengerusi
Yayasan Pendidikan Cheras,

YBhg Dato Dr. Noel Robert, CEO Kolej Teknologi YPC-iTweb
YBhg Tan Sri Vincent Tan, Pengasas Berjaya Group Corporation,

Para pensyarah dan ibu bapa serta yang diraikan graduan kolej;

1. Saya mengucapkan terima kasih kepada datuk seri syed ali alhabshee kerana mengundang saya dan isteri ke majlis konvokesyen kali ke-9 kolej teknologi ypc – it web dan pelancaran biasiswa tun mahathir-ypc*
2. Saya masih ingat lagi pada tahun 2001, sewaktu itu sebagai perdana menteri malaysia, saya telah melancarkan yayasan pendidikan cheras di stadium badminton kuala lumpur, cheras* alhamdulillah, saya lihat yayasan pendidikan cheras semakin berkembang dan kini sudah mempunyai sebuah kolej iaitu kolej teknologi ypc-it web ataupun ringkasnya kolej ypc* penubuhan kolej ypc ini telah membuka peluang kepada pelajar untuk menyambung pengajian mereka dalam bidang seperti teknologi maklumat, perakaunan, perniagaan serta pelbagai lagi program yang telah ditawarkan oleh kolej ypc* kolej ypc juga telah lama menjalinkan kerjasama di antara university luar negara iaitu liverpool john moores university* di antara program berkembar yang telah ditawarkan oleh kolej ypc adalah ijazah sarjana muda dalam bidang e-business technology & management, information technology and multimedia computing, business management dan accounting and finance*
3. Ini juga sekaligus membuktikan bahawa kolej ypc merupakan sebuah institusi pengajian tinggi yang amat berdaya saing setanding dengan university antarabangsa yang lain* tenaga pengajar yang dimiliki oleh kolej ypc juga adalah dari kalangan mereka yang amat terlatih serta berpengalaman dalam memimpin generasi anak bangsa masa kini*
4. Membangunkan sesebuah institusi pengajian tinggi bukanlah satu perkara yang mudah* sebaliknya, mewujudkan serta menyelenggarakan sesebuah kolej dan universiti memakan perbelanjaan yang amat besar*dalam konteks ini, saya amat berbangga dengan kewujudan kolej ypc ini kerana ia sejajar dengan hasrat kerajaan untuk mengutamakan pendidikan dari peringkat akar umbi sehingga ke liang lahad* sepertimana kita sedia maklum, universiti-universiti di kebanyakan negara lain dimiliki oleh pihak swasta yang biasanya mengenakan yuran yang tinggi kepada penuntut* tetapi kolej ypc, menyediakan biasiswa buat pelajar yang tidak berkemampuan serta memberi pendidikan percuma kepada pelajar yang mengikuti kursus pengajian di peringkat 'foundation' * ini juga adalah salah satu kerja murni yang telah diusahakan dan disediakan oleh pihak pengurusan kolej ypc agar generasi masa kini dapat menyambung

pengajian mereka* selain dari itu juga, kolej ypc telah lama menjalinkan hubungan di antara sekolah-sekolah di sekitar cheras ini dan mewujudkan program sekolah angkat di mana ia memberi pendedahan kepada pelajar di peringkat sekolah untuk membolehkan mereka menyambung pengajian di kolej ypc ini* usaha murni ini telah membuktikan bahawa kolej ypc adalah institusi yang amat komited serta serius dalam mengutamakan pendidikan*

5. Dalam menempuh era globalisasi ini, para pelajar harus ingat bahawa ilmu yang dimiliki hari ini adalah untuk digunakan di masa hadapan* para pelajar haruslah mempersiapkan diri bagi menghadapi cabaran di alam pekerjaan* kebanyakan graduan pada hari ini tidak mampu untuk bersaing di dalam pekerjaan* ini adalah kerana mereka kekurangan pengetahuan dalam bidang teknologi* kejayaan sesebuah institusi pengajian tinggi tidak dapat memberi impak yang positif jika tidak disokong oleh ict* kolej ypc juga telah menawarkan program teknologi maklumat sejajar dengan keperluan dan kepentingan sistem pendidikan negara* integrasi ict dalam pengurusan dan kepimpinan pendidikan turut menyumbang kepada peningkatan kecemerlangan institusi pendidikan di samping meningkatkan kompetensi dan prestasi pengurus dan pemimpin pendidikan* pada masa kini, penguasaan pelajar di dalam ict bagaikan satu perkara yang amat penting* kepentingan di dalam penggunaan teknologi maklumat telah menyebabkan pelajar ipta dan ipts sedar akan kewujudan teknologi maklumat telah banyak membantu mereka di dalam proses pembelajaran dan dalam pencarian maklumat tambahan* dengan perkembangan ict, pelajar ipt tidak perlu runsing dalam carian maklumat mengenai tugas kerana dengan capaian menerusi internet, maklumat boleh diperolehi dengan cepat dan tepat, berbanding dengan 20 tahun dahulu di mana maklumat hanya diperolehi dari perpustakaan dan majalah-majalah tertentu sebagai rujukan*

6. Penerimaan pelajar ipt terhadap perkembangan dan pengaruh ict dalam kehidupan seharian perlu bermula dengan keyakinan diri dan sikap yang positif* ini termasuklah minat mereka di dalam ict, pendirian mereka mengenai sejauh mana ict dapat mengubah atau membantu mereka dalam aktiviti harian dan sebagainya* kini, penguasaan ict di kalangan pelajar ipt adalah sangat memberansangkan di sebabkan kebanyakan mereka menggunakan ict sebagai medium dalam menyalurkan maklumat serta carian maklumat*

7. Di dalam sektor pekerjaan, penguasaan di dalam ict juga dapat membantu para graduan dalam mencari jawatan kosong dalam bidang pekerjaan* dengan wujudnya laman web seperti jobstreet, jobseeker dan sebagainya dapat memudahkan lagi para graduan untuk mencari pekerjaan* malah, pengisian borang untuk jawatan-jawatan kerajaan juga boleh diisi menerusi laman web* faedah dalam penguasaan ict sememangnya memberi pulangan kepada graduan yang dapat menguasainya untuk memajukan diri mereka* penguasaan di dalam bahasa inggeris bukan lagi menjadi alasan kepada belia untuk mempelajari ict disebabkan terdapat banyak laman web dan juga *software* dihasilkan dalam bahasa melayu*

8. Satu perkara yang selalu kita tekankan ialah penyelidikan dan pembangunan (r&d)* penyelidikan adalah satu kegiatan akademik* ia merupakan sumber latihan akademik dan melaluinya pengajar akan dapat menyampaikan isi ilmunya* pengajaran yang bukan berasaskan penyelidikan terutama tentang aspek masakini boleh jadi kaku, malah akan menjemukan kalau sudah lapuk bahannya* ada pensyarah yang tidak

mengulangkaji bahan-bahan pengajarannya dan tiap-tiap tahun mengulangi bahan yang sama, malah 'kata-kata lucu' (jokesnya) pun sama juga* oleh itu, penyelidikan mestilah sentiasa menjadi satu kegiatan 'integral' bagi institusi pengajian tinggi* bagaimanapun penyelidikan mestilah seiring dengan prioriti negara* ia mesti berorientasikan 'mission' dan hasil*kolej ypc amat menitik beratkan kecekapan serta pengalaman yang dimiliki oleh pensyarah di mana mereka mestilah mampu untuk menyampaikan ilmu dengan berkesan*

9. Budaya kecemerlangan hendaklah dijadikan asas dan amalan sesebuah institusi pengajian tinggi* kriteria ganjaran hendaklah berupa sesuatu yang dapat meningkatkan mutu dan kecemerlangan institusi tersebut* sungguhpun sistem institusi pengajian tinggi kita masih baru jika dibandingkan dengan sistem institusi pengajian tinggi di negara maju, tetapi kita harus bertekad untuk meningkatkan mutu piawaian pendidikan tersebut* oleh itu, institusi pengajian tinggi tempatan hendaklah bergerak ke arah menetapkan kualiti tinggi dalam segala aspek kegiatannya, supaya institusi kita akan dapat menjadi contoh di rantau ini, dan supaya kemahiran kita dalam pendidikan tinggi dapat dieksport*tidak ada sebab mengapa sistem pendidikan tinggi kita tidak dapat dijadikan satu industri, sepertimana yang sedang kita saksikan hari ini, di mana negara-negara asing berlumba-lumba mengadakan program pendidikan kembar dan sebagainya dengan negara kita* mereka sebenarnya mengeksport kepakaran yang ada kepada kita* kita tidak boleh berdiam diri menerimanya sahaja* kita perlu berikhtiar untuk memasarkan kepakaran dan kemahiran pendidikan kepada komuniti antarabangsa*

10. Justeru itu mereka yang dapat ke institusi pengajian tinggi, terutama yang mendapat biasiswa harus menganggap diri mereka sebagai rakyat yang beruntung dan bernasib baik berbanding dengan rakyat lain yang tidak berpeluang ke universiti* jika mereka sedar dan menghargai pengorbanan ibu bapa, masyarakat dan negara, untuk mereka mendapat pelajaran, maka tentulah mereka akan menggunakan masa di institusi pengajian tinggi dengan sebaik-baiknya untuk belajar* melalui kelulusan akademik, penuntut akan berpeluang mendapat pekerjaan yang lebih baik berbanding dengan mereka yang tidak ke universiti* sesiapa pun yang insaf akan bersyukur kerana dapat ke universiti yang mana ini menjamin masa depan yang lebih cerah*

11. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada pelajar-pelajar kolej ypc yang telah berjaya meraih konvokesyen masing-masing* setiap graduan mestilah mengambil peluang keemasan untuk berbakti dan menggunakan segala ilmu yang telah dipelajari dengan sebaik mungkin supaya boleh diterapkan dalam dunia kerja dan sebagai persediaan untuk kehidupan bermasyarakat* dunia kerja hari ini bukan lagi bergantung kepada ilmu teori semata-mata tetapi merupakan penggembengan antara ilmu asas dengan pengalaman praktik*oleh itu, para pelajar perlu menggunakan masa dengan sebaiknya supaya kedua-dua aspek ilmu ini dapat diimbangkan*

12. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan upacara majlis konvokesyen kolej teknologi ypc- it web kali ke-9 dan pelancaran biasiswa tun mahathir – ypc*

Sekian, terima kasih*